

## **DORONGAN BERKOMUNIKASI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS**

**Nur Afifah Fadzil\***

Jabatan Bahasa al-Quran dan Sunnah,  
Fakulti al-Quran dan Sunnah,  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Malaysia

**Maryam Md Rofiee**

Jabatan Bahasa al-Quran dan Sunnah,  
Fakulti al-Quran dan Sunnah,  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Malaysia

**Nur Iylia Mohd Noor Be**

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Malaysia

**Suhaila Zailani @ Ahmad**

Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@kuips.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 9 November 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Kesediaan berkomunikasi bahasa Arab lahir daripada penguasaan bahasa Arab yang bagus dan mantap sama ada dari aspek kosa kata mahupun penyusunan ayat mengikut tatabahasanya. Namun, dalam mempersiapkan seseorang agar bersedia untuk berkomunikasi bahasa Arab, dorongan dan motivasi amatlah penting. Dorongan dalaman dan luaran kedua-duanya memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keupayaan menguasai bahasa Arab. Hal ini termasuklah dorongan dari sudut elemen keagamaan kerana bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan Hadis yang merupakan sumber utama rujukan Islam. Kertas cadangan ini mengemukakan dapat berkaitan tahap dorongan pelajar Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dalam berkomunikasi bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap 150 orang pelajar Kolej Universiti Islam Perlis. (KUIPs). Jumlah sampel adalah ditentukan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2007). Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data. Data mentah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil menunjukkan bahawa menunjukkan 85.3 peratus atau 128 orang responden merasakan dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi dorongan pelajar dalam

mempelajari bahasa Arab antara pelajar yang pernah mempelajari dan tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum mereka memasuki Kolej Universiti Islam Perlis dengan nilai Sig. (2-tailed) iaitu 0.000 yang lebih kecil daripada 0.05. Nilai min menunjukkan bahawa pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki Kolej Universiti Islam Perlis mempunyai tahap dorongan yang lebih tinggi iaitu 4.3050 berbanding dengan pelajar yang belum pernah mempelajari bahasa Arab dengan nilai min 3.7479. Justeru itu, dorongan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab haruslah diberi penekanan dan ditingkatkan sama ada ia berbentuk dorongan secara dalaman atau luaran.

**Kata Kunci:** Dorongan; Komunikasi; Bahasa Arab

### ***ENCOURAGEMENT TO COMMUNICATE IN ARABIC AMONG PERLIS ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE STUDENTS***

#### ***ABSTRACT***

*The readiness to communicate in Arabic is born from a good and solid mastery of the Arabic language, either from the aspect of vocabulary or the arrangement of sentences according to its grammar. However, in preparing someone to be ready to communicate in Arabic, encouragement and motivation are very important. Internal and external motivation both play an important role in improving the ability to master the Arabic language. This includes encouragement from the point of view of religious elements because Arabic is the language of the Qur'an and Hadith, which are the main sources of Islamic reference. Therefore, this proposal paper suggests that it can be related to the level of motivation of Perlis Islamic University College students to communicate in Arabic. This study was conducted on 150 students at Perlis Islamic University College. The sample size was determined using the formula of Tabachnick and Fidell (2007). Questionnaire instruments were used to obtain the data. Raw data was analyzed using SPSS software. The results show that 85.3 percent, or 128 respondents, feel the urge to communicate in Arabic is high. There is a significant difference in students' motivation in learning Arabic between students who have studied and those who have never studied Arabic before they enter Perlis Islamic University College, with a value of Sig. (2-tailed), which is 0.000, which is smaller than 0.05. The mean value shows that students who studied Arabic before entering Perlis Islamic University College have a higher level of motivation, which is 4.3050, compared to students who have never studied Arabic, with a mean value of 3.7479. Therefore, encouraging students to communicate in Arabic should be emphasized and increased, whether it is in the form of internal or external encouragement.*

**Keywords:** *Encouragement; Communicate; Arabic Language*

## **PENDAHULUAN**

Pembelajaran bahasa merupakan sebuah proses yang panjang dan memerlukan tempoh untuk memahirkan diri. Penguasaan bahasa dapat dilihat dari pelbagai sudut. Kesediaan berkomunikasi, yakin dalam berinteraksi merupakan antara kejayaan yang dapat diakui. Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa yang hidup dan tidak terkecuali daripada menerima pembaharuan. Justeru itu, pengkajian bahasa Arab ini tidak pernah sampai ke penghujungnya. Aspek dorongan sama ada dari dalam diri atau persekitaran yang menggalakkan seseorang untuk bersedia dalam berkomunikasi amatlah penting. Tahap motivasi pembelajaran bahasa merupakan antara faktor yang menyebabkan kejayaan seseorang pelajar (Dornyei, 1990).

Mempelajari bahasa Arab boleh menjadi sesuatu yang sukar kerana terdapat pelbagai halangan yang boleh menyukarkan pelajar untuk belajar. Perkara-perkara ini termasuk tempat di mana mereka belajar, apa yang mereka mahu capai, ujian yang perlu mereka lalui, dan cara otak mereka berfungsi. Perkara ini akan menjadi lebih rumit sekiranya persekitaran mereka juga tidak menyokong mereka untuk berkomunikasi bahasa Arab. Justeru itu, untuk menghasilkan seseorang yang mampu berkomunikasi bahasa Arab dengan yakin dan lancar, dorongan dari dalam diri dan sekeliling haruslah dikenal pasti dan kemahiran berkomunikasi haruslah sentiasa diasah.

## **DORONGAN BERKOMUNIKASI BAHASA ARAB**

Dorongan, galakan, saranan dan motivasi merupakan satu aspek yang mampu mendorong untuk meningkatkan atau menjerumutkan keupayaan pelajar dalam berkomunikasi. Ia mempunyai kaitan dengan aspek dalaman dan luaran. Motivasi dikategorikan kepada dua komponen iaitu motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Motivasi ekstrinsik (luaran) merujuk kepada motivasi atau dorongan yang disebabkan oleh ganjaran, pulangan luaran yang akan diperolehi dan kejayaan. Ia dikaitkan sebagai dorongan dan sokongan luaran iaitu bukan dari dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu aktiviti (Hanis Najwa Shahrudin, 2017). Berdasarkan dapatan beliau, tahap motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding ekstrinsik. Hal demikian menunjukkan faktor dalaman seseorang pelajar lebih mempengaruhi minat terhadap pembelajaran. Manakala motivasi intrinsik (dalaman) memandu kepada kegembiraan pelajar hasil daripada keinginan yang datang dari dalam diri pelajar apabila melakukan sesuatu aktiviti.

Persekitaran juga dipercayai akan mewujudkan motivasi sekiranya terdapat tiga perkara lain iaitu kompeten, autonomi dan rasa perhubungan dengan orang lain (Deci dan Ryan 1985). Kompeten merujuk kepada kemampuan menggunakan kemahiran sedia ada terhadap aktiviti yang ingin diceburinya. Individu yang mempunyai keupayaan tinggi terhadap aktiviti yang diceburi menunjukkan bahawa individu tersebut mempunyai motivasi yang tinggi untuk melakukannya. Autonomi pula adalah kehendak untuk melakukan tindakan dan cara yang dilakukannya yang membawa maksud individu perlu diberi pilihan berdasarkan aktiviti yang dikehendakinya. Pilihan yang diberikan kepada individu dapat meningkatkan motivasi untuk melakukan aktiviti yang dipilihnya. Seterusnya rasa perhubungan


dengan orang lain yang bermaksud inisiatif sendiri untuk mempunyai hubungan dengan orang sekeliling dan memainkan peranan dalam komuniti tersebut. Sekiranya individu tersebut pernah berjaya melakukan sesuatu yang dibanggakan, maka motivasi akan terus meningkat untuk melakukan aktiviti tersebut. Motivasi seseorang akan terjejas sekiranya mereka tidak dapat melakukan tindakan melalui kehendak mereka.

Bagi orang Islam, mempelajari bahasa Arab dikaitkan dengan pendekatan motivasi holistik iaitu untuk memahami sumber-sumber yang ditulis di dalam bahasa Arab seterusnya meraih meraih keredhaan Allah di dunia dan di akhirat. Antara ganjaran dan dorongan yang kuat dalam pendekatan motivasi ini adalah datangnya dari rangsangan iman dan akidah kepada Allah, dengan mengembalikan segala tingkah laku (ibadah) dan ubudiyah (kehambaan) sebagai seorang pelajar bersandarkan kepada Allah. Faktor yang mendorong pelajar dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah faktor motivasi pelajar dan faktor dorongan guru (Ma'sum Mohammad, 2012). Guru yang memberi galakan dan tunjuk ajar serta memberi peluang kepada pelajar dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas mahupun di luar kelas dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam berkomunikasi.

## **KESEDIAAN UNTUK BERKOMUNIKASI**

Kesanggupan berkomunikasi dalam bahasa kedua atau asing merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan dalam pemerolehan bahasa (Swain & Lapkin, 1995). Ramai guru bahasa di seluruh dunia menghadapi cabaran untuk menggalakkan dan mendorong pelajar bagi menguasai bahasa kedua atau asing, berasa selesa, dan tidak bimbang membuat kesilapan ketika bertutur dalam bahasa tersebut. Kesediaan untuk berkomunikasi ialah konsep yang mula mendapat perhatian yang besar dalam penyelidikan pemerolehan bahasa kedua dan amalan pengajaran bahasa, kerana ia menggabungkan faktor berbeza yang menjelaskan mengapa pelajar melakukan atau tidak melibatkan diri dalam komunikasi bahasa kedua atau asing. Teori Keinginan Kendiri telah diasaskan oleh Deci dan Ryan (1985). Konsep ini juga boleh diklasifikasikan sebagai satu konsep teori keinginan sendiri. Hal ini kerana kesediaan untuk berkomunikasi adalah datang dari keinginan sendiri. Teori ini kemudiannya diperkembangkan secara khusus dalam konteks pembelajaran bahasa kedua oleh Noels bersama beberapa penyelidik yang lain (Noels, Pelletier, Clement, & Vallerand, 2000).

Rajah 1 menunjukkan piramid bagi pemerolehan bahasa kedua (L2). Elemen motivasi merupakan salah satu elemen yang penting dalam mendorong individu untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Justeru itu, dorongan sama ada bersifat dalaman atau luaran memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan seseorang untuk menguasai bahasa. Penguasaan bahasa ditunjukkan dan dibuktikan menerusi kesediaan dan keyakinan individu untuk berkomunikasi.



**Rajah 1:** Adaptasi Model Heuristic Untuk L2  
 (MacIntyre, Clément, Dörnyei, and Noels, 1998)

## OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan mengemukakan dapatan berkaitan tahap dorongan berkomunikasi bahasa Arab bagi pelajar Kolej Universiti Islam Perlis.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif yang melibatkan 150 orang pelajar Kolej Universiti Islam Perlis. Jumlah sampel adalah ditentukan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2007). Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data. Dapatan yang diperolehi daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai serta analisis ujian-t sampel tidak bersandar.

## PERBINCANGAN KAJIAN

### Dapatan Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 150 orang pelajar KUIPs. Carta 1 menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian. Majoriti responden adalah berjantina lelaki iaitu seramai 92 orang (61.3%) dan responden perempuan seramai 58 orang (38.7%).


**Carta 1: Taburan mengikut jantina**



Sumber: Data soal selidik (n=150)

Carta 2 menunjukkan pengalaman pelajar mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs. Majoriti pelajar iaitu seramai 133 orang (88.7%) pernah mempelajari bahasa Arab sebelum mereka memasuki KUIPs dan hanya 17 orang sahaja (11.3%) pelajar yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum masuk ke KUIPs.

**Carta 2: Taburan pengalaman mempelajari bahasa Arab**



Sumber: Data soal selidik (n=150)

### **Tahap dorongan untuk berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar KUIPs.**

Jadual 1 menunjukkan tahap dorongan untuk berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar KUIPs. Hasil kajian menunjukkan 85.3% atau 128 orang responden merasakan dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Manakala seramai 20 orang responden atau 13.3% berpendapat tahap

dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab mereka adalah sederhana. Sementara hanya dua orang responden sahaja atau 1.3 peratus lagi merasakan tahap dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah rendah. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap tinggi ( $M = 4.2419$ ).

**Jadual 1:** Taburan Responden Mengikut Tahap Dorongan Untuk Berkomunikasi Bahasa Arab

	Frekuensi	Peratus (%)	Nilai Min	Sisihan Piawai
Tahap Dorongan				
Rendah (1.00 – 2.33)	2	1.3	4.2419	0.5635
Sederhana (2.34 – 3.67)	20	13.3		
Tinggi (3.68 – 5.00)	128	85.3		

Sumber: Data soal selidik (n=150)

**Perbezaan tahap dorongan untuk berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang pernah atau tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs**

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan bagi tahap perbezaan dorongan untuk berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar sama ada pernah mempelajari bahasa Arab atau tidak sebelum memasuki KUIPs. Nilai min menunjukkan bahawa pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs mempunyai tahap dorongan yang lebih tinggi iaitu 4.3050 berbanding dengan pelajar yang belum pernah mempelajari bahasa Arab dengan nilai min 3.7479 iaitu perbezaan nilai min sebanyak 0.55715.

**Jadual 2:** Perbezaan tahap dorongan untuk berkomunikasi bahasa Arab

	Pernah belajar Bahasa Arab	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Dorongan	Ya	133	4.3050	.52313	.04536
	Tidak	17	3.7479	.63794	.15472

Sumber: Data soal selidik (n=150)

**Ujian-T Sampel Tidak Bersandar**

Ujian t sampel tak bersandar dilakukan terhadap tahap dorongan berkomunikasi bahasa Arab untuk menentukan sama ada min adalah berbeza secara signifikan di antara pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs (min = 4.31, SP = .52) dengan pelajar yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki KUIPs (min = 3.75, SP = .64). Dapatan ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi dorongan pelajar dalam mempelajari bahasa

Arab antara pelajar yang pernah mempelajari dan tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum mereka memasuki Kolej Universiti Islam Perlis. Hal ini dibuktikan dengan nilai Sig. (2-tailed) iaitu 0.000 yang lebih kecil daripada 0.05. Dapatan ini ditunjukkan dalam jadual 3.

**Jadual 3:** Dapatan Ujian-T Sampel Tidak Bersandar

	<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>			<i>t-test for Equality of Means</i>				
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	
<b>Dorongan</b>	<i>Equal variances assumed</i>	.590	.444	4.030	148	.000	.55715	.13824
	<i>Equal variances not assumed</i>			3.456	18.852	.003	.55715	.16123

Sumber: Data soal selidik (n=150)

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, ia menunjukkan bahawa pengalaman terdahulu pelajar berkaitan pengetahuan bahasa Arab seperti kosa kata, pembinaan ayat dan tatabahasa Arab merupakan antara dorongan luaran yang mendorong pelajar untuk berkomunikasi bahasa Arab setelah memasuki KUIPs. Oleh itu, tenaga pengajar seharusnya mencari pendekatan yang mesra pelajar agar pelajar sentiasa bersedia dan yakin untuk berkomunikasi bahasa Arab.

## KESIMPULAN

Kesediaan berkomunikasi bahasa Arab merupakan hasil daripada penguasaan bahasa. Untuk menguasai sesuatu bahasa, seseorang itu haruslah mempunyai pendorong sama ada secara dalaman atau luaran. Dorongan untuk berkomunikasi boleh ditingkatkan apabila pelajar mengetahui motif dan insentif yang ada apabila mampu berkomunikasi bahasa Arab. Kursus bahasa Arab telah banyak ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi tidak kira sebagai kursus wajib, teras mahupun elektif. Para pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki pengajian di peringkat lebih tinggi pasti mempunyai dorongan berkomunikasi yang lebih tinggi. Hal ini adalah hasil daripada mereka mempunyai pengetahuan dari aspek kosa kata dan tatabahasa di peringkat pengajian sebelumnya. Selain itu, tenaga pengajar juga berperanan dalam meningkatkan tahap dorongan dan motivasi pelajar untuk berkomunikasi bahasa Arab dengan cara memilih pendekatan yang bersesuaian bagi tahap pelajar agar pembelajaran bahasa Arab menjadi interaktif seterusnya menghasilkan pelajar yang mampu dan yakin untuk berkomunikasi bahasa Arab.



## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Perlis yang menganugerahkan dana penyelidikan (STG-051/2022) untuk penyelidikan yang bertajuk Kesiapan Untuk Berkomunikasi (WTC) Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar KUIPs

## RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2009). Tahap komunikasi dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 2009 1-14.
- Abdul Rahman Bin Abdullah. (2009). Kompetensi Komunikatif Dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama Di Negeri Selangor. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Adnan Derahman. 2011. Motivasi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Diploma Pelancongan Jabatan Hospitaliti di Politeknik Merlimau Negeri Melaka. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Uaniversiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fared Mohd Din & Mohammad Seman. (2019). Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Melalui Strategi Penguasaan Sebutan (SPS) Segmental dan Suprasegmental. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities* Volume 2(1).
- Al-Tamimi, Atef & Shuib, Munir. 2009. Motivation and attitudes towards learning English: a study of petroleum engineering undergraduates at hadramout university of sciences and technology. *Gema Online Journal Of Language Studies*, 9(2): 29-49.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies* Vol 12(2).
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337
- Bailey, K.M. (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill.
- Bailey, K.D. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dahab, Mohamed Ibrahim. 1997. Evaluation of the Arabic language integrated curriculum for secondary schools (KBSM). Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N. A., Saad, R., & Musa, A. S. (2019). Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka (Sma Jaim) Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 90-99.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 7(1), 194-210.

- Gardner, R.C. 1985. *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C dan Tremblay, P.F. 1994. On motivation, research agendas, and theoretical perspectives. *Modern Language Journal*, (79): 359-368
- Gardner R.C. & Lambert W.E. 1972. *Attitudes and Motivation In Second-Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner R.C. 1983. Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- Gardner R.C & Lalonde R.N, Moorcroft, R. 1985. The role of attitudes and motivation in second language learning: correlational and experimental considerations. *Language learning*, 35: (207-227).
- Gardner, H. 1983. *Frames Of Mind: The Theory Of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3): 15-33.
- Hanis Najwa, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab, Farah-Nu Rashida Rosnan & Norafidah Gordani. 2017. Tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- Hassan S. Alqurashi & Haitham A. Althubaiti. (2021). The Role of Language Proficiency in Willingness to Communicate: A Case Study of Saudi EFL Learners. *Arab World English Journal (AWEJ) Volume 12. Number2 June 2021*
- Hishamuddin Md.Som. 2005. *Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS WINDOWS*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaliah Rani. 2007. Sikap dan motivasi pembelajaran bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian: satu kajian. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Ma'sum Mohammad. (2012). Strategi komunikasi dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Jakarta. Masters thesis, University of Malaya
- Norafidah Gordani. 2017. Tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- MacIntyre, P., Dornyei, Z., Clement, R., & Noels, K. (1998). Conceptualizing willingness to communicate in a L2: a situational model of L2 confidence and affiliation. *Modern Language Journal*, 82(3), 545-562.
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar & Saupi Man. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman Dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik Mei 2020 Vol, 2 No. 1*.

- Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Fahed Maromar, Mohamad Rofian Bin Ismail & Ahmad Rezdaudin Bin Ghazali. (2020). Permasalahan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati: Satu Kajian Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Nur Afifah Fadzil. 2016. Kesahan Modul Bahasa Arab Menerusi al-Quran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. 2012. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 19 Mei.
- Tabachnick, G. B., & Fidell, S. L. (2007). *Using Multivariate Statistics* (5th ed.). New York: Pearson Educational Inc. (5th ed.). New York: Pearson Educational Inc.